

Kerajaan tiada petunjuk harga minyak

PERDANA Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata keputusan sama ada harga minyak akan naik atau sebaliknya pada tahun depan masih lagi terbuka dan kerajaan tidak mempunyai sebarang petunjuk buat masa ini.

"Jaminan kerajaan ialah sehingga akhir tahun ini tidak berlaku kenaikan harga bahan api itu meskipun harga minyak di pasaran dunia terus meiangbung.

"Ia terlalu sensitif untuk saya bercakap sama ada harga minyak akan naik atau tidak (tahun depan)," katanya dalam sidang akhbar pada hari terakhir Sidang Kemuncak Asia-Eropah keenam (Asem 6) di sini, kelmarin.

Abdullah yang juga Menteri Ke-

" Jaminan kerajaan ialah sehingga akhir tahun ini tidak berlaku kenaikan harga bahan api itu meskipun harga minyak di pasaran dunia terus meiangbung "

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

wangan ditanya sama ada kerajaan akan menaikkan harga minyak dalam masa terdekat selepas memperuntukkan subsidi yang tinggi berjumlah RM19 bilion dalam Bajet 2007, yang diumumkannya, baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, peruntukan itu anggaran berdasarkan harga semasa bahan api berkenaan dan peruntukan subsidi minyak mungkin meningkat lagi tahun depan.

Mengenai pertemuannya dengan Presiden Perancis, Jacques Chirac, Abdullah berkata, perbincangan lebih bertumpu kepada isu Asia Barat dan rancangan Malaysia, menawarkan pasukan misi pengaman ke Lubnan.

"Saya memberitahu Kuala Lumpur serius mengenai perkara itu kerana

kita mempunyai pengalaman sebelum ini.

"Saya memberi jaminan jika kita diterima berkhidmat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kita akan mengikuti dasar dan peraturan yang ditetapkan.

"Malaysia juga mahu menghulur bantuan untuk membangunkan semula Lubnan mengikut kemampuan kita," katanya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) berkata, beliau turut menyampaikan pandangan kedua-dua badan itu berhubung hak Iran membangunkan teknologi nuklear sebagai sumber tenaga dan tujuan keamanan.